

Research Article

"GF" Ekonomi Pemangkin Kecemerlangan Akademik Pelajar SPM

Gurumoorthy Poobalan^{1,*}, Junaidi Asman², Roslee Talip³, Sukuneswari Kaliappan⁴, and Shanmuganathan Mookan⁵

1 SMK Raja Jumaat, Port Dickson, Negeri Sembilan, guru8826@gmail.com;  0000-0003-3605-1742

2 Pejabat Pelajaran Daerah Kecil Lawas, 98850, Lawas, Sarawak; junaidiasmanskll@gmail.com;

3 Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah; roslee_73@ums.edu.my;

4 SMK Bukit Kepayang, Seremban, Negeri Sembilan;

5 SMK Tinggi Kluang, Johor; g-43017652@moe-dl.edu.my

* Correspondence: anis588@uitm.edu.my; 062645645.

Abstrak: Dalam era teknologi siber ini, kebanyakan pelajar lebih gemar menggunakan teknologi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (pdpc) selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Amnya pengintegrasian teknologi Pendidikan dalam pdpc sememangnya membantu murid mencapai kecemerlangan dari aspek akademik khususnya dalam perkembangan kognitif pelajar. Tujuan inovasi ini adalah untuk menginterasi "GF" iaitu Google form dalam subjek Ekonomi SPM. GF yang dihasilkan adalah berfokus kepada soalan ekonomi percubaan SPM bagi tahun 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022 termasuk soalan peperiksaan Sebenar SPM bagi subjek Ekonomi. Cara penghasilannya GF ekonomi amat mudah iaitu bahan softcopy soalan Percubaan Ekonomi SPM dan Soalan Sebenar SPM 2018-2022, disunting dan dijadikan gambar dengan menggunakan Microsoft powerpoint dan kemudiannya disimpan sebagai gambar Jpeg dalam komputer. Seterusnya Jpeg bagi setiap soalan dimasukkan dalam GF dan di susun mengikut kreativiti, maka terciptalah GF soalan sebenar dan soalan percubaan Ekonomi SPM yang dijadikan dalam bentuk kuiz Ekonomi. Hal ini membolehkan pelajar-pelajar khasnya bagi kategori pelajar yang lemah dalam kertas 1 (soalan objektif) boleh menjawab soalan percubaan SPM pada sebilang masa, walau dimana dan mudah diakses di hujung jari mereka secara berulang kali. Secara tidak langsung, guru-guru dapat mengesan peningkatan pencapaian akademik mereka dalam subjek ekonomi. Antara kelebihan GF ekonomi SPM ialah pelajar dapat mengesan kesalahan mereka secara langsung, pembelajaran berlaku dengan pantas, meningkatkan gred pencapaian pelajar dalam subjek ekonomi, memotivasi dan memberi inspirasi kepada pelajar lain untuk mengambil bahagian dalam pembelajaran di rumah atau di sekolah. Tambahan pula, ia juga digunakan untuk berkongsi kepakaran ekonomi dan bahan pembelajaran digital dengan sekolah lain melalui Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) dalam kalangan guru. Ia juga menggalakkan aktiviti GO GREEN dengan mengurangkan penggunaan kertas dalam pendidikan dan mengurangkan beban tugas guru dan pelajar. GF ekonomi ini boleh membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), terutamanya pendidik dan pelajar dalam meningkatkan kemenjadian murid dan keberkesanan pendidik dalam mengajar subjek ekonomi serta peningkatan dalam profesionalisme guru.

Kata kunci: Google Form, Soalan Ekonomi Sebenar SPM, Pembelajaran Digital



Copyright: © 2023 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).


1. PENGENALAN

Teknologi dalam pendidikan amat penting bagi perkembangan ilmu dunia sejajar dengan gelombang perkembangan zaman. Pengintegrasian teknologi dalam Pendidikan telah pun mula berkembang sejak zaman 2000an. Pada awal tahun 2020 dunia telah dikejutkan dengan wabak Covid-19 dan telah menyebabkan penutupan semua industri secara bersemuka dan hampir semua industri telah beralih ke-araf penggunaan teknologi sepenuhnya. Hal ini termasuklah bagi industri pendidikan yang telah menggunakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian (Rahim, & Jani, 2023 ; Hisham, & Khairuddin, 2023).

Pengintegrasian pelbagai aplikasi teknologi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan telah mula berkembang sejak mulanya berlaku penularan wabak covid-19 dalam dunia. Walaupun wabak ini telah membawa suatu malepetaka yang besar kepada dunia dengan meragut berjuta-juta nyawa namun ianya memberi kesedaran dan menjadi langkah pradigma revolusi pengintegrasian teknologi dalam semua bidang termasuk pendidikan tanpa disedari oleh masyarakat.

“GF” merupakan singkatan kepada Google form atau dalam kata lain Borang Google yang merupakan salah satu aplikasi Google (Santoso & Muhtadin, 2023) yang sangat popular dan kerap diguna pakai oleh semua pihak dalam pelbagai industri termasuk dalam bidang pendidikan secara meluas (Adi Gunawan, Imam Tabroni, & Dede Supendi, 2023). Borang Google ialah komponen perkhidmatan Google Docs. Bagi menggunakan Borang Google, kita perlu mempunyai akaun Google universal secara percuma. Dengan akaun ini, semua pihak boleh menggunakan produk Google yang dikeluarkan secara percuma, seperti Gmail, Drive, Google Play, YouTube, tapak, blogger dan juga Google Plus. Fungsi Borang Google untuk dunia pendidikan termasuk menyediakan tugas latihan, kuiz, atau ujian dalam talian melalui halaman laman web, mengumpul pendapat orang ramai, mengumpul pelbagai data pelajar dan guru, membuat borang pendaftaran dalam talian di sekolah, mengedarkan soal selidik kepada orang ramai dalam talian (Asma, & Fitria, 2023 ; Google, (2023).

Dalam inovasi ini, “GF” telah di integrasi secara meluas dalam subjek Ekonomi bagi peperiksaan awam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi membina kecemerlangan akademik pelajar dari aspek kognitif sebagai suatu langkah bagi memperbaiki kelemahan pelajar dalam meningkatkan pemahaman terhadap ilmu ekonomi SPM. Justeru, inovasi ini memberi pelbagai impak positif kepada pelajar dalam meningkatkan kemenjadian pelajar.




Rajah 1.0 Pernyataan Masalah

Berdasarkan rajah 1.0, terdapat 6 sebab yang mendorong pengkaji untuk menghasilkan GF Ekonomi SPM. Pembelajaran secara tradisional secara chalk and talk tidak lagi sesuai dilaksanakan dalam abad ke 21 dan perlu bergerak seiring dengan perkembangan teknologi dunia (Thapaliya, Adhikari, & Rana,(2023). Minat pelajar terhadap teknologi semakin meningkat dan pembelajaran secara digital meningkatkan pencapaian pelajar. Hal ini secara tidak langsung dapat mengurangkan penggunaan dan pembaziran kertas yang banyak dalam dunia Pendidikan (Poobalan, Talip, & Jin Xiang,(2023).


2. METODOLOGI

GF yang dihasilkan adalah berfokus kepada soalan ekonomi percubaan SPM bagi tahun 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022 termasuk soalan peperiksaan Sebenar SPM bagi subjek Ekonomi. Cara penghasilannya GF ekonomi amat mudah iaitu bahan *softcopy* soalan Percubaan Ekonomi SPM dan Soalan Sebenar SPM 2018-2022, disunting dan dijadikan gambar dengan menggunakan Microsoft powerpoint dan kemudiannya disimpan sebagai gambar Jpeg dalam komputer. Seterusnya Jpeg bagi setiap soalan dimasukkan dalam GF dan di susun mengikut kreativiti, maka terciptalah GF soalan sebenar dan soalan percubaan Ekonomi SPM dalam bentuk kuiz.

Hal ini membolehkan pelajar-pelajar khasnya bagi kategori pelajar yang lemah dalam kertas 1 (soalan objektif) boleh menjawab soalan percubaan SPM pada sebilang masa, walau dimana dan mudah diakses dihujung jari mereka secara berulang kali. Langkah penghasilan dan pelaksanaan GF Ekonomi SPM boleh dirujuk melalui rajah 1.1-1.4.



Rajah 1.1 Menukar Bahan Hardcopy (Soalan Ekonomi SPM) kepada softcopy melalui Microsoft powerpoint



Rajah 1.2 Menyimpan Bahan softcopy Microsoft powerpoint dalam bentuk jpeg dan dimasukkan dalam GF

SOALAN PERCUBAAN EKONOMI SPM 2021 (PULAU PINANG)

SILA JAWAB BERULANGKALI SEHINGGA MENCAPAI 40 MARKAH PENUH

Sign in to Google to save your progress. [Learn more](#)

* Indicates required question

NAMA PENUH *

Your answer

NAMA SEKOLAH, PPD, & NEGERI *

Your answer

KATEGORI KUMPULAN *

☐ BITARA

☐ GEMILANG

☐ SINARAN

☐ LAIN-LAIN (SELAIN SMK RJ.)

1. * 1 point

1. Gambar 1 berikut berkaitan dengan sumber ekonomi.



Gambar 1

Pernyataan yang manakah betul?

A. Menenina gangaran lasedah

B. Mempunyai mobiliti geografi yang rendah

C. Menyelaraskan input pengeluaran bagi menghasilkan output

D. Menyumbangkan tenaga fizikal d'n mental dalam proses pengeluaran

☐ A

☐ B

☐ C

☐ D

2. * 1 point

2. Maklumat berikut menunjukkan piltan teknik pengeluaran Syarikat Nikko.

Teknik	Keluaran (unit)

Rajah 1.3 Jpeg dimasukkan dalam GF dan dibentuk sebagai soalan Kuiz

WhatsApp Chat:

5 D EKONOMI SMK RJ 2023
31 members

Hijau ❤️ Dewan Bitara 11:05 2:23 PM

June 7

Forwarded from Guru

SOALAN PERCUBAAN PULAU PINANG 2021

https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSfbFBC8vcqiecAxtV0dPxJ4GoPid09ragPVE0RMQPskilQdEw/viewform?usp=sf_link

Google Docs

SOALAN PERCUBAAN EKONOMI SPM 2021 (PULAU PINANG)

SILA JAWAB BERULANGKALI SEHINGGA MENCAPAI 40 MARKAH PENUH

🔥 Sila print skrin markah akhir kamu dan masukkan dalam kumpulan kecil kamu

Google Docs Form:

SOALAN PERCUBAAN EKONOMI SPM 2021 (PULAU PINANG)

Total points **31/40** ?

SILA JAWAB BERULANGKALI SEHINGGA MENCAPAI 40 MARKAH PENUH

NAMA PENUH *

SOFEA AZREEN BINTI RISHAM

Rajah 1.4 GF yang dihasilkan dikongsi dalam saluran kelas maya dan selepas menjawab, pelajar menyatakan pencapaian markah mereka dalam kelas berkenaan.

3. DAPATAN

Hasil dapatan menunjukkan, GF ekonomi yang dihasilkan memberi pelbagai kesan positif kepada pelajar, guru dan dunia pendidikan, boleh dirujuk melalui rajah 1.5. Inovasi ini membolehkan pelajar membaiki kelemahan mereka dalam kertas 1 bagi peperiksaan subjek ekonomi SPM. Pelajar-pelajar dapat mengakses soalan Percubaan dan soalan sebenar Ekonomi SPM yang terpilih dari tahun 2018-2022 dihujung jari secara berulang kali dalam meningkatkan peningkatan markah dan pencapaian gred dari semasa ke semasa. Justeru, pembelajaran dan pemudahcaraan berlaku secara pantas, mudah dan guru serta pelajar dapat mengaksesnya pada bila-bila masa walau dimana. Inovasi ini juga telah menambahkan bahan digital ekonomi yang terhad dan menggalakan perkongsian bahan ini di dalam dan diluar daerah institusi pendidikan.



Rajah 1.5 Manfaat GF Ekonomi SPM

4. KESIMPULAN

Google Form Ekonomi ini haruslah dijadikan satu tapak yang wajib dilaksanakan oleh setiap guru dalam membantu anak-anak murid mencapai kegemilangan dalam subjek-subjek yang lemah sebagai langkah mempelbagai pedagogi pengajaran dan pembelajaran. Dicapai konsep GF diaplikasi bagi semua subjek peperiksaan awam dalam memudahkan pelajar menjawab soalan sebenar peperiksaan dengan mudah tanpa bergantung kepada pembelajaran bersemuka atau diganti sebagai Flipclassroom tanpa bahan edaran yang mendorong kepada *anti go green* di dunia teknologi siber ini. Inovasi GF Ekonomi memberi pelbagai manfaat kepada dunia pendidikan terutamanya dalam membina kemenjadian pelajar yang mampu berdaya saing diperingkat global dan peningkatan profesionalisme perguruan. Justeru, sekaligus merapatkan jurang literatur dan solusi dalam kajian tindakan bagi mengatasi kelemahan pelajar dalam pembelajaran abad ke-21.

Rujukan

Adi Gunawan, Imam Tabroni, & Dede Supendi. (2023). Online Learning: The Widespread Use of Google Forms as a Learning Media for Students in the Midst of the Covid-19 Pandemic. *Indonesian Journal of Applied and Industrial Sciences (ESA)*, 2(1), 119–132. <https://doi.org/10.55927/esa.v2i1.2822>

Asma, A., Jannah, M., Mawardati, R., Zakaria, J., & Fitria, N. (2023). Evaluasi Pembelajaran Menggunakan Google Form dan Quizizz. *Ikhlas: Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat*, 1(1), 8-14.

Google, (2023). Google Forms: Online Form Creator | Google Workspace. Retrieved from <https://www.google.com/forms/about/>

Hisham, A. H. B., & Khairuddin, K. F. (2023). Pendidikan Inklusif Semasa Krisis COVID-19: Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaannya untuk Murid Berkeperluan Khas Pendengaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002308-e002308.

Poobalan, G., Talip, R., Kaliappan, S., Abu Bakar, N. A., & Jin Xiang, P. (2023, January). Buku Papan Putih [Review of Buku Papan Putih]. *Www.researchgate.net*; APS Proceedings Volume 2 - Work & Educational Innovation, eISBN 978-629-97536-2-9. https://www.researchgate.net/profile/Mohamad-Rahimi-Mohamad-Rosman/publication/366739141_APS_Proceedings_Volume_2_Work_Educational_Innovation/links/63b0da6ba3100368a43626b/APS-Proceedings-Volume-2-Work-Educational-Innovation.pdf#page=21

Rahim, M. A., & Jani, M. N. M. (2023). Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Secara Atas Talian ketika Pandemik Covid-19 dalam Kalangan Pelajar di Politeknik Melaka [The Effectiveness of Online Teaching and Learning during The Covid-19 Pandemic among Students at Polytechnic Melaka]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 6(1), 151-162.

Santoso, G., Murod, M., Winata, W., Kusumawardani, S., & Muhtadin, I. (2023). Update Kecanggihan Google di Abad 21 Untuk Menjadikan Civic Digital. *Jurnal Pendidikan Transformatif*, 2(1), 114-127.

Thapaliya, M., Adhikari, S., & Rana, L. (2023). Opportunity in COVID-19 crisis: Moving away from chalk and talk to technology-integrated teaching in Nepalese higher education institutions. *E-Learning and Digital Media*, 204275302311539. <https://doi.org/10.1177/20427530231153944>